

## TENTATIVE PROGRAMME

| MASA                         | ACARA                                               |
|------------------------------|-----------------------------------------------------|
| 10:00 pagi                   | Pendaftaran                                         |
| 10:30 pagi – 10:35 pagi      | Ucapan alu-aluan pengerusi majlis                   |
| 10:35 pagi – 11:00 pagi      | Perkongsian Dr. Muhamin Sulam                       |
| 11:00 pagi – 11:20 pagi      | Perkongsian YB Senator<br>Mohd Hasbie Muda          |
| 11:20 pagi – 11:40 pagi      | Perkongsian Prof Madya Datuk Dr.<br>Marzuki Mohamad |
| 11:40 pagi – 12:30 tengahari | Sesi perbincangan terbuka                           |
| 12:30 tengahari              | Penutup dan jamuan                                  |

### Mengenai Wacana GMSN KITA

Wacana Global Malaysia Studies Network merupakan sebuah platform ilmiah yang menghimpunkan sarjana, penyelidik, pembuat dasar serta pihak berkepentingan dari dalam dan luar negara untuk membincangkan isu-isu berkaitan Malaysia dalam konteks global. Penganjuran wacana ini bertujuan memperkukuh jaringan kerjasama akademik antarabangsa, memperkaya pertukaran ilmu dan pengalaman, serta memperluas pemahaman tentang Malaysia dari pelbagai perspektif seperti sosial, politik, ekonomi, budaya dan pembangunan. Melalui sesi perbincangan, pembentangan kajian dan dialog strategik, inisiatif ini membantu mempromosikan kepakaran tempatan di pentas global, menyumbang kepada pembentukan wacana ilmiah yang lebih inklusif serta menyokong agenda pemerkasaan penyelidikan Malaysia di peringkat antarabangsa.

*Disclaimer: The views expressed in the (s) under the Wacana GMSN KITA are those of the presenter(s) and do not necessarily represent the views of GMSN and KITA.*

## **Wacana GMSN KITA**

### **Salahuddin Ayub: Budak Suci di Lembah Siasah**

#### **Penceramah:**

Dr. Muhaimin Sulam

(Pengarang Buku Salahuddin Ayub, Penyelidik Bebas)

YB Senator Mohd Hasbie Muda

(Senator Dewan Negara)

Prof. Madya Datuk Dr. Haji Marzuki Mohamad

(Universiti Islam Antarabangsa)

**Tarikh:** 29 Disember 2025 (Isnin)

**Masa:** 10.30pagi – 12.30 tengahari

#### **Tempat:**

Bilik Keris Perdana, Aras 3, Bangunan Pentadbiran Kolej Keris  
Mas, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor

**Seminar ini akan disiarkan secara dalam talian menerusi  
platform berikut:**

Zoom & KITA Facebook Live

## ABSTRAK DAN BIODATA PENCERAMAH



**Dr. Muhaimin Sulam**  
**(Pengarang Buku Salahuddin Ayub,**  
**Penyelidik Bebas)**

**Dr. Muhaimin Sulam**, lahir di Perak, ahli akademik, ahli politik dan penulis. Bekas pensyarah UTP dan memperoleh PhD dalam bidang kepimpinan politik dari UK. Antara buku karangannya ialah *Ustaz Sulam: Sebuah Portret Ulama Kampung* (2023) *Akar Bangsa: Budaya, Naratif dan Identiti* (2019) *Mat Indera: Antara Ideologi dan Identiti* (2023).



**YB Senator Mohd Hasbie Muda  
(Senator Dewan Negara)**

**YB Senator Tuan Mohd Hasbie Muda** adalah ahli politik Malaysia. Beliau kini berkhidmat sebagai Ahli Dewan Negara. Di peringkat parti beliau memegang jawatan sebagai Ketua Pemuda AMANAH dan Pengerusi AMANAH Terengganu. Beliau juga pengarang beberapa buah buku termasuk *Mahasiswa Bangkit*.



**Prof. Madya Datuk Dr. Haji Marzuki Mohamad  
(Universiti Islam Antarabangsa)**

**Prof. Madya Datuk Dr. Haji Marzuki Mohamad** Dilahirkan di Pasir Mas, Kelantan pada tahun 1974. Mendapat pendidikan rendah dan menengah di Kelantan. Memperolehi Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (1998), Sarjana Sastera dalam bidang sains politik dari Universiti Kebangsaan Malaysia (2001) dan Doktor Falsafah dalam bidang sains politik dari Australian National University (2008). Minat mengkaji tentang politik pilihanraya, politik hubungan kaum, politik Asia Tenggara, Islam dan undang-undang. Kini berkhidmat sebagai Professor Madya di Jabatan Sains Politik, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.